



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

WARGA KUSKOP TERIMA TAUSIYAH KHAS RAMADAN OLEH HABIB ALI ZAENAL ABIDIN AL HAMID

KUALA LUMPUR, 26 FEBRUARI – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) hari ini menganjurkan Perhimpunan Bulanan dengan kehadiran Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid, seorang pendakwah dan ilmuwan yang dihormati, telah menyampaikan tazkirah bertajuk “Ramadan Melatih Adab” yang menyentuh pelbagai aspek penting dalam kehidupan manusia. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, serta timbalannya, YB Datuk Mohamad bin Alamin, turut menyertai majlis ini bersama pihak pengurusan tertinggi dan warga kementerian. Majlis yang diadakan dalam suasana penuh ukhuwah dan kekeluargaan ini dihadiri hampir 700 orang warga kerja kementerian dan agensi.

Tradisi mengimarahkan Ramadan dengan pengisian rohani oleh para alim ulama ini merupakan kesinambungan kepada usaha YB Menteri sendiri, yang sebelum ini pernah menganjurkan majlis seumpamanya di Kementerian Sumber Manusia.

Penganjuran majlis ini mencerminkan komitmen KUSKOP dalam memperkukuh elemen spiritual dan kebersamaan dalam kalangan warga kerja kementerian. Melalui program sebegini, KUSKOP bukan sahaja memberi penekanan kepada pembangunan keusahawanan dan koperasi, malah terhadap pembangunan sahsiah serta kualiti peribadi setiap individu dalam kementerian.

Dengan semangat yang dibawa dalam majlis tazkirah ini, KUSKOP bertekad untuk terus memainkan peranan penting dalam memperkasakan ekosistem keusahawanan dan koperasi di Malaysia, serta memastikan setiap langkah yang diambil berlandaskan nilai-nilai murni yang dipelajari sepanjang bulan Ramadan.

Hebatkan Perniagaan Malaysia.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
26 FEBRUARI 2026